


Kertas Penuh - Prosiding Seminar Psikologi Kebangsaan 2010



**SEMINAR
PSIKOLOGI
KEBANGSAAN
2010**

BERKHITAN TIDAK MENGIKUT SYARI`AT: KAJIAN RINTIS DI SABAH

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin*

SMK Desa Kencana (Sekolah Kluster)
Peti Surat 344 Cenderawasih, 91150 Lahad Datu, Sabah
E-mel: Adou_Fr@yahoo.com

Abstrak

Berkhitan adalah wajib bagi lelaki Muslim dan amalan ini semakin popular dalam kalangan non-Muslim. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat fenomena berkhitan tidak menepati syari`at berlaku dalam kalangan penduduk di Pantai Timur negeri Sabah, dan bukti-bukti menunjukkan bahawa fenomena yang sama turut berlaku di seluruh Sabah, termasuklah di Brunei. Kajian dijalankan terhadap 133 orang responden lelaki berusia antara 16 hingga 18 tahun melalui kaedah pemeriksaan secara sukarela di sebuah sekolah menengah di daerah Lahad Datu. Kesemua 100% responden (N = 133) mengaku telah berkhitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 22.56% (N = 30) telah berkhitan tidak menepati syari`at. Sebanyak 26.67% (N = 8) daripada responden ini telah dikhitankan di klinik atau hospital oleh doktor bertauliah, manakala sebanyak 73.33% (N = 22) dikhitankan oleh imam kampung atau keluarga terdekat. Hasil kajian ini penting memastikan syari`at Islam dilaksanakan dengan betul dan mencegah kesilapan ini daripada terus berlaku dalam masyarakat.

Abstract

Circumcision is obligatory for Muslim men and the practice is increasingly popular among non-Muslims. However, a study conducted revealed a phenomenon of Sharia non-compliant circumcision that occurs among people of the East Coast of Sabah, and proofs show the same phenomenon occurs all around Sabah, including in Brunei. A study was conducted on 133 male respondents aged between 16 to 18 years through voluntary inspection in one secondary school in the district of Lahad Datu. All 100% of the respondents (N = 133) confessed to have been circumcised. The results show that 22.56% (N = 30) was circumcised but Sharia non-compliant. A total of 26.67% (N = 8) of these respondents were circumcised in a clinic or hospital by a qualified doctor, while a total of 73.33% (N = 22) were circumcised by a local imam or close family. These findings are important to ensure correct implication of Islamic Sharia, thus prevent further mistakes from happening in the community.

Kata Kunci

Khitan, tidak mengikut syari`at

Keywords

Circumcision, Sharia non-compliant

Pengenalan

Berkhitan adalah suatu prosedur pembedahan yang dijalankan sejak berabad-abad lamanya kerana sebab-sebab perubatan, agama dan sebagainya. Berkhitan adalah prosedur pembedahan yang paling biasa dalam kanak-kanak lelaki dalam komuniti Islam di seluruh dunia (Akoz *et al.*, 1998). Dilaporkan bahawa 77% daripada populasi lelaki yang lahir di Amerika Syarikat telah dikhitankan (Laumann *et al.*, 1997). Di Malaysia, khitan dijalankan oleh Tok Mudim, doktor, pembantu perubatan, keluarga terdekat atau Imam kampung. Kepelbagaian latar belakang jurukhitan ini menghasilkan kualiti hasil khitan yang berbeza-beza mengikut kepakaran dan pengalaman masing-masing, walaupun secara keseluruhan ia adalah memuaskan.

Kaedah Kajian

Kajian kes ini telah dijalankan terhadap 133 orang responden lelaki berusia antara 16 hingga 18 tahun di sebuah sekolah menengah di daerah Lahad Datu. Responden diminta hadir secara sukarela dan diminta mengisi dokumen kebenaran pemeriksaan setelah taklimat diberikan. Pada masa yang sama, gambar rajah tentang khitan yang mengikut syari`at dan yang tidak mengikut syari`at serta beberapa statistik dan keterangan bertulis dipaparkan di ruangan menunggu. Responden diminta menyatakan persetujuan bertulis atau tidak bersetuju untuk menjalani pemeriksaan. Hanya responden yang memberikan persetujuan diperiksa. Sesi pemeriksaan dijalankan selama 3 hari daripada 13 hingga 15 April 2010. Pemeriksaan dijalankan dalam keadaan zakar responden berkeadaan kendur iaitu tidak tegang (flaccid). Bahagian kepala zakar diperiksa sama ada terdedah atau tidak. Apabila perlu, zakar dilurut untuk memastikan bahagian kepala zakar tertutup atau tidak.

Dapatan Kajian

Daripada 133 orang responden yang diperiksa, kesemua 100% mengaku telah berkhitan dengan purata usia semasa berkhitan adalah 12 dan 13 tahun. Terdapat juga responden yang mengaku berkhitan lebih lewat iaitu ketika 16 tahun. Sebanyak 22.56% (N=30) daripada jumlah responden yang diperiksa didapati telah berkhitan tidak menepati syari`at. Daripada jumlah ini, seramai 26.67% (N=8) mengaku telah dikhitankan di klinik atau hospital kerajaan oleh doktor yang bertauliah, manakala bakinya sebanyak 73.33% (N=22) dikhitankan oleh imam kampung atau keluarga terdekat seperti datuk atau pakcik.

Jadual 1. Pecahan dapatan kajian.

Perkara	Bil.	Peratus
Jumlah sampel	133	100
Menepati syari`at	103	77.44
Tidak menepati syari`at	30	22.56
- Klinik/ hospital	8	6.02
- Imam/ keluarga	22	16.54

Perbincangan

Berkhitan tidak mengikut syari`at ditakrifkan sebagai seorang lelaki yang mengaku telah berkhitan, tetapi kepala zakarnya (glans penis/ hasyafah) masih ditutupi oleh kulit yang tidak dipotong semasa proses khitan. Walaupun seseorang telah mengalami proses berkhitan, hasil khitan mungkin tidak menepati takrif khitan yang dikehendaki oleh syara` iaitu membuang kesemua kulit yang menutupi kepala zakar. Proses ini dapat dipenuhi dengan memotong *khuluf* (diserap dalam bahasa Melayu sebagai kulup) iaitu kulit yang menutupi kepala zakar.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kaedah yang diguna pakai yang berbeza dengan kaedah di atas yang disebut sebagai "Sepit" atau "Jepit". Didapati bahawa terdapat jurukhitan yang tidak memotong khuluf, tetapi menarik kulit zakar ke pangkal dan menyepitnya. Kemudian, kulit tersebut akan ditoreh dengan pisau (Rozan, 2007). Hasilnya, kepala zakar akan terkeluar walaupun khuluf itu tidak dipotong.

Fink *et al.* (2002) menyatakan bahawa daripada 123 orang lelaki yang dikhitkan apabila usia dewasa, sebanyak 9% masih mempunyai kulit khuluf (redundant foreskin). Rizvi (1999) menyatakan bahawa 21 orang daripada 330 (6.3%) di Pakistan mengalami khitan tidak sempurna (incomplete circumcision). Ini menyokong kajian ini apabila responden yang berkhitan dengan klinik atau hospital kerajaan turut mengalami masalah berkhitan tidak mengikut syari`at.

Sebahagian responden mempunyai zakar yang meragukan apabila dikhitkan dengan tidak sempurna menyebabkan bahagian kepala zakar masih boleh ditutupi oleh kulit yang tinggal. Ini dominan dalam responden yang menggunakan kaedah "Sepit" kerana kulit tersebut akan menutup kepala zakar semula apabila dilurut ke bawah. Fenomena inilah yang nyata sebagai berkhitan tidak mengikut syari`at.




Soal-selidik dengan responden dan keluarga mereka mendapati bahawa mereka tidak sedar tentang masalah ini dan percaya bulat-bulat dengan jurukhitan yang telah mengkhitankan anak mereka. Apabila disahkan khitan mereka tidak menepati syariat, sebahagian akur dengan penjelasan yang diberikan, manakala sebahagian yang lain merungut kerana menganggap proses khitan semula sebagai menyusahkan. Kesemua responden yang telah dikhitan tidak mengikut syariat ini telah ditawarkan untuk berkhitan semula secara percuma dengan kerjasama Islamic Medical Association of Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan sumbangan untuk menjayakan kajian ini terutama Sahibus Samahah Datuk Haji Ahmad Alawi Haji Adnan, Mufti Kerajaan Negeri Sabah dan Pejabat Mufti Negeri Sabah. PMNS: 100-0/4 Jilid 2 (97) bertarikh 30 Mac 2010M/ 14 Rabiulakhir 1431H. PMNS: (S)600 – 11/3 Jilid 2 (04) bertarikh 26 April 2010M/ 11 Jamadilawal 1431H.

Rujukan

- Akoz T., Erdogan B., Gorgu M., Aslan G., Altintas H. 1998. Unusual complications of circumcision. *Plast. Reconstr. Surg.* 1998; 101: 1915-8.
- Al-Ghazo, Mohammed A. and Banihani, Kamal E. 2006. Circumcision revision in male children. *International Braz J Urol.* [online]. 2006, vol. 32, n.4, pp. 454-458. ISSN 1677-5538.
- Fink, K.S., Carson, C.C. and DeVellis, R.F. 2002. Adult circumcision outcomes study: effect on erectile function, penile sensitivity, sexual activity and satisfaction. *The Journal of Urology.* 2002, vol. 167, no. 5:2113-6.
- Laumann E.O., Masi C.M., Zuckerman E.W. 1997. Circumcision in the United States. Prevalence, prophylactic effects, and sexual practice. *Journal of the American Medical Association.* 1997, no. 277:1052-7.
- Rizvi, S.A.H., Naqvi, S.A.A., Hussain, M., and Hasan, A.S. 1999. Religious circumcision: a Muslim view. *British Journal of Urology International.* 1999, 83, Suppl. 1, 13–16.
- Rozan Yunos. 2007. Bersunat then and now. The Brunei Times. [online]. http://www.bt.com.bn/classification/life/2007/03/24/bersunat_then_and_now



Keadaan Zakar (Dalam Keadaan Kender) Yang Dikhitan (Disunat) Mengikut Syari'at Dan Yang Tidak Mengikut Syari'at
<http://ad-diyari.com>
Adou_Fr@yahoo.com